

| | |
|---|--|
| RISALAH PENDEDAHAN PRODUK Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil <i>Hong Leong Credit Protector with Dread Disease</i>. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. | Hong Leong Assurance Berhad Hong Leong Credit Protector with Dread Disease <<date>> |
|---|--|

Nota Penting: Produk ini ditanggung jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, penanggung insurans dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah produk ini?

- Ini merupakan pelan premium tunggal tanpa penyertaan, di mana Jumlah Diinsuranskan akan dikurangkan secara beransur-ansur dalam tempoh perlindungan. Apabila berlaku kejadian pertama sama ada Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, Jumlah Diinsuranskan atau Jumlah Diinsuranskan yang dikurangkan, yang mana berkenaan, akan dibayar. Apabila berlaku diagnosis sebarang Penyakit Kritikal yang dilindungi, 25% daripada Jumlah Diinsuranskan atau Jumlah Diinsuranskan yang dikurangkan, yang mana berkenaan, akan dibayar.
- Ini ialah pelan perlindungan hayat bertempoh berkurangan dengan umur penyertaan minimum 18 dan umur penyertaan maksimum 65.

2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Perlindungan

Polisi ini melindungi:

| Jumlah Diinsuranskan | |
|----------------------|------------------|
| Dengan Pembiayaan | Tanpa Pembiayaan |
| | |

Jumlah yang ditunjukkan di atas adalah **Jumlah Diinsuranskan pada permulaan** bagi tahun polisi pertama. Jumlah Diinsuranskan akan dikurangkan secara beransur-ansur dalam tempoh perlindungan. Untuk ilustrasi bagi perlindungan polisi tahunan, sila rujuk Ilustrasi Jualan.

Faedah

Produk ini melindungi salah satu (1) daripada faedah berikut, yang mana berlaku terlebih dahulu:

a) Faedah Kematian

Jumlah Diinsuranskan akan dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Ilustrasi Jualan dan akan dibayar sekali gus apabila Hayat Diinsuranskan Meninggal Dunia.

ATAU

b) Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)

Jumlah Diinsuranskan akan dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Ilustrasi Jualan apabila Hayat Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Faedah TPD akan dibayar mengikut peruntukan TPD. Jumlah Faedah TPD bagi setiap Hayat yang dibayar di bawah semua polisi yang menginsuranskan Hayat Diinsuranskan tidak boleh melebihi Had Faedah TPD bagi setiap Hayat sebanyak RM 10,000,000. Jumlah Faedah TPD bagi setiap Hayat merujuk kepada liputan TPD bagi semua polisi yang berkuatkuasa bagi setiap Hayat Diinsuranskan ketika tuntutan dibuat.

DAN

c) Faedah Penyakit Kritikal

25% daripada Jumlah Diinsuranskan akan dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Ilustrasi Jualan apabila Hayat Diinsuranskan didiagnosis dengan Penyakit Kritikal. Jumlah Faedah Penyakit Kritikal bagi setiap Hayat yang dibayar di bawah semua polisi yang diisu oleh semua syarikat insurans di Malaysia, yang menginsuranskan Hayat Diinsuranskan tidak boleh melebihi Had Faedah Penyakit Kritikal bagi setiap Hayat sebanyak RM4,000,000. Jumlah Faedah Penyakit Kritikal bagi setiap Hayat merujuk kepada liputan Penyakit Kritikal bagi semua polisi yang berkuatkuasa yang diisu oleh semua syarikat insurans di Malaysia bagi setiap Hayat

Diinsuranskan ketika tuntutan dibuat. Penyakit Kritikal yang dilindungi adalah seperti berikut:

- Strok
- Serangan Jantung
- Kegagalan Ginjal
- Kanser
- Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- Penyakit Arteri Koronari Serius
- AIDS Peringkat Teruk
- Kegagalan Hati Tahap Akhir
- Hepatitis Virus Fulminan
- Koma
- Tumor Otak Benigna
- Kelumpuhan Anggota Badan
- Buta
- Pekak
- Terbakar Darjah Ketiga
- Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
- Ensefalitis
- Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang
- Hilang Pertuturan
- Pembedahan Otak
- Pembedahan Injap Jantung
- Kehilangan Upaya Hidup Berdikari
- Jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah
- Meningitis Bakteria
- Trauma Kepala Utama
- Anemia Aplastik Kronik
- Penyakit Neuron Motor
- Penyakit Parkinson
- Penyakit Alzheimer/Dementia Teruk
- Distrofi Otot
- Pembedahan Aorta
- Sklerosis Berbilang
- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- Penyakit Sista Medulari
- Kardiomiopati
- Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Teruk
- Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan
- Angioplasti dan Lain-Lain Rawatan Invasif Untuk Penyakit Arteri Koronari^[2]
- Penyakit Terminal
- Sindrom Apalik
- Pankreatitis Berulangan Kronik
- Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
- Elephantiasis
- Poliomyelitis
- Scleroderma Progresif
- Hepatitis Autoimun Kronik
- Sindrom Eisenmenger Teruk
- Demam Hemoragik Ebola

^[1]Bagi Angioplasti dan Lain-Lain Rawatan Invasif Untuk Penyakit Arteri Koronari, bayaran adalah terhad kepada 10% daripada perlindungan penyakit kritikal di bawah polisi ini tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM 25,000. Faedah ini hanya berbayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada perlindungan polisi ini, seterusnya akan mengurangkan faedah yang akan dibayar ketika kejadian penyakit kritikal.

d) Faedah Perlindungan Interim (untuk kes pembiayaan sahaja)

Perlindungan interim seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah akan diberikan selama 12 bulan dari:

- i. tarikh pengeluaran Surat Penerimaan; atau
- ii. tarikh Surat Tawaran Balas diterima dan ditandatangani oleh Hayat Diinsuranskan; yang mana berkenaan.

| Tempoh | Perlindungan |
|-----------------|---|
| 6 bulan pertama | Apabila Hayat Diinsuranskan meninggal dunia/ mengalami TPD/ didiagnosis dengan Penyakit Kritikal, amaun perlu dibayar masing-masing seperti yang dinyatakan di atas akan dibayar. |
| 6 bulan kedua | Apabila Hayat Diinsuranskan meninggal dunia/ mengalami TPD akibat kemalangan, Jumlah Diinsuranskan akan dibayar, tetapi tertakluk kepada maksimum RM250,000. |

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut Jumlah Diinsuranskan yang dipilih, umur kemasukan, jantina, kadar faedah, tahun penangguhan dan tempoh polisi. Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk keterangan yang lebih lanjut.
- Anggaran jumlah premium tunggal yang perlu anda bayar:

| Jumlah Premium Tunggal | |
|------------------------|------------------|
| Dengan Pembiayaan | Tanpa Pembiayaan |
| | |

- Tempoh Premium: Premium Tunggal (satu kali sahaja)
- Kadar premium yang dikenakan bagi pelan ini adalah terjamin. Ia adalah penting bahawa anda menerima dan menyimpan resit anda sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

| Tahun Polisi | Premium Tunggal (RM) | | Komisen ditanggung oleh Pemunya Polisi dan dibayar daripada premium | | |
|--------------|----------------------|------------------|---|----------------------------|------------------|
| | | | Hong Leong Credit Protector with Dread Disease | | |
| | Dengan Pembiayaan | Tanpa Pembiayaan | Bahagian premium yang ditolak untuk komisen (%) | Amaun Komisen Sebenar (RM) | |
| | | | | Dengan Pembiayaan | Tanpa Pembiayaan |
| | | | | | |

- Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 8% cukai perkhidmatan.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubahan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Premium dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah anda bayar (selepas menolak perbelanjaan perubahan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Anda patut berasa puas hati bahawa polisi ini dapat memenuhi keperluan anda dan premium yang dibayar di bawah pelan ini adalah amaun yang mampu anda bayar.
- Sila perhatikan kesan penukaran polisi daripada satu penanggung insurans kepada yang lain atau berpindah daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain – sebagai contoh, anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat yang baru bagi polisi baru atau bagi penanggung insurans baru.
- Faedah Penyakit Kritikal akan dibatalkan apabila berlaku sebarang tuntutan TPD.

Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada pengantara jualan anda untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Faedah Kematian

Faedah Kematian tidak akan dibayar di bawah keadaan berikut:

- Kematian dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama akibat bunuh diri.

Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

Polisi tidak melindungi **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal** akibat:

- daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan pada keadaan waras atau tidak waras.
- daripada menaiki kapal terbang kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang biasa kapal terbang yang membayar tambang, dalam penerbangan berjadual tetap bagi sistem penerbangan komersil.
- ketika Hayat Diinsuranskan berkhidmat dalam angkatan bersenjata, polis dan separa tentera yang disebabkan oleh peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan sivil.

Faedah Penyakit Kritikal

Peruntukan ini tidak melindungi kejadian yang berikut:

- i- Sebarang keadaan pra-wujud yang berlaku sebelum Tarikh Penerbitan polisi ini.
- ii- Diagnosis penyakit kritikal selain yang ditentukan bawah item (iii) di bawah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Penerbitan polisi ini.
- iii- Diagnosis penyakit kritikal seperti yang ditentukan di bawah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Penerbitan polisi ini:
 - (a) Angioplasti dan Lain-lain Rawatan Invasif Untuk Penyakit Arteri Koronari

- (b) Kanser
 - (c) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
 - (d) Serangan Jantung
 - (e) Penyakit Arteri Koronari Serius
- iv. Penyakit Kritikal yang disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan sebarang Human Immuno-deficiency Virus (HIV) secara langsung atau tidak langsung. Satu-satunya pengecualian kepada ini adalah apabila Penyakit Kritikal yang dituntut adalah AIDS Peringkat Teruk, Jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan.
- v. Kematian hayat diinsuranskan dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas tarikh diagnosis sebarang penyakit kritikal.

Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada pengantara jualan anda untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dan menerima Nilai Penyerahan. Walaubagaimanapun, Nilai Penyerahan yang akan dibayar oleh Syarikat kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang adalah kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Hayat' dan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan', yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu naskhah daripada pengantara jualan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City Development
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Pengantara:

Hong Leong Bank Berhad
Level 19, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 7650 1288
Faks: 03 - 7650 1299
Laman web:www.hla.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila rujuk pengantara jualan kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

MAKLUMAN PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT IALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA PATUT MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERCINCANG DENGAN PENGANTARA JUALAN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK KETERANGAN YANG LEBIH LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <<date>>.

Panduan Perkhidmatan – Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

| Sebelum Anda Membeli Polisi | Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi | Semasa Tempoh Polisi |
|--|---|---|
| <p>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda. • Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda. <p>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj. • Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk. | <p>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat. • Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan. • Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan. • Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian. <p>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan. • Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda. | <p>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. <p>Membantu Anda Membuat Tuntutan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad. |

Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner **HLA360°** untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di **03-7650 1288** atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di customerservice@hla.hongleong.com.my.